

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Juruteknik Higien 1 (Pemonitoran Kimia)		
	No. Dokumen	Tarikh	Muka Surat
	600-6-12/3A	11.09.2025	1/3

1. Syarat Kemasukan

1.1. Syarat Am

1.1.1. Warganegara Malaysia; **DAN**

1.1.2. Boleh berkomunikasi secara lisan dan menulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris; **DAN**

1.2. Syarat Khusus

1.2.1. Pilihan 1

1.2.1.1 Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Lanjutan dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau Higien Industri yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); **ATAU**

1.2.2. Pilihan 2

1.2.2.1 Mempunyai Diploma dalam bidang Kejuruteraan dan Sains Tulen Gunaan yang diiktiraf oleh MQA; **DAN**

1.2.2.2 Telah melengkapkan kursus Juruteknik Higien 1 (HT1) anjuran Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP); **ATAU**

1.2.3. Pilihan 3

1.2.3.1 Mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan prinsipal dalam mana-mana mata pelajaran Sains atau Sijil Kejuruteraan Politeknik atau yang setaraf; **DAN**

1.2.3.2 Telah melengkapkan kursus HT1 anjuran PLB yang diiktiraf oleh JKKP.

2. Tempoh Menduduki Peperiksaan

Bermula 1 Januari 2024, peserta kursus perlu menduduki peperiksaan pertama dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh tamat kursus.

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)					
	Syarat dan Format Peperiksaan Juruteknik Higien 1 (Pemonitoran Kimia)					
	No. Dokumen	Tarikh		Muka Surat		
	600-6-12/3A	11.09.2025		2/3		

3. Format Peperiksaan

Komposisi kertas peperiksaan adalah seperti berikut:

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	PEMBERAT	MARKAH LULUS	YURAN
1	A	Soalan Aneka Pilihan	40	1 jam	50%	60%	RM200
	B	Soalan Struktur	2	1 jam 30 minit	50%		
		Soalan Esei	1				
2*	A	Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA)	-	-	-	60%	RM100
	B	Pembentangan	-	15 minit	-	60%	RM200
		Sesi Soal & Jawab	-	25 minit			
3	-	Chemical Sampling Skill	-	30 minit	-	100%	RM200
JUMLAH							RM700

NOTA:

*Kertas 2

- Calon perlu menduduki Kertas 2 terlebih dahulu sebelum menduduki Kertas 3, atau menduduki Kertas 2 dan Kertas 3 serentak.
- Calon perlu lulus Bahagian A dan B bagi Kertas 2.
- Calon yang gagal Kertas 2 perlu mengulang mana-mana Bahagian yang gagal sahaja (Bahagian A atau B).
- Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA) perlu dihantar secara dalam talian. Rujuk Garis Panduan Tugas Tempat Kerja.

	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Juruteknik Higien 1 (Pemonitoran Kimia)		
	No. Dokumen 600-6-12/3A	Tarikh 11.09.2025	Muka Surat 3/3

4. Bahasa

- 4.1. Kesemua soalan adalah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- 4.2. Kesemua jawapan perlu dijawab dalam salah satu pilihan bahasa sahaja.

5. Peperiksaan Ulangan

- 5.1. Bermula 1 Januari 2024, tiada had untuk mengulang dan calon perlu melengkapkan peperiksaan dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh peperiksaan pertama.
- 5.2. Calon yang telah melebihi tempoh **dua (2) tahun** akan berstatus gagal dan perlu menghadiri kursus HT1 semula.

6. Sijil Kelayakan

Sijil Kelayakan akan diberikan kepada calon yang lulus peperiksaan.

Disediakan oleh :

Sekretariat

Jawatankuasa Kompetensi Juruteknik Higien 1

Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)

d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD)

NIOSH

Tarikh kelulusan Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) : 04 Disember 2024

Tarikh kuat kuasa : 1 Oktober 2025